



KENYATAAN AKHBAR OLEH PENTADBIR KOPERASI PEKERJA-PEKERJA KERAJAAN SABAH BERHAD (KOPEKS)

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) telah melantik **Pentadbir** mulai 30 Oktober 2019 ke atas Koperasi Pekerja-Pekerja Kerajaan Sabah Berhad (KOPEKS) dengan ini memberi ulasan/pencerahan kepada isu-isu yang dipaparkan dalam akhbar **Daily Express** pada **18.12.2020** dan seterusnya memaklumkan tindakan penambahbaikan ke atas pengurusan KOPEKS semenjak diambilalih untuk makluman semua 8,477 anggota KOPEKS dan pihak berkepentingan.

ISU BERHUBUNG DENGAN PELABURAN HARTA TAK ALIH KOPEKS

KOPEKS telah menandatangani Perjanjian Jual Beli dengan pemilik-pemilik Lembah Impian (vendor) sebagai 'pelaburan harta tak alih' berjumlah RM17.5 juta melalui pembelian 4 lot tanah berkeluasan 6.9 ekar yang terletak di Kampung Kandazon, Jalan Putatan Ramayah, Penampang Sabah. KOPEKS telah gagal mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya berdasarkan kepada kehendak subseksyen 54A Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) dan Peraturan 7, Peraturan-Peraturan Koperasi (Pelaburan) 2010. berdasarkan alasan seperti berikut:-

- i. Jumlah Pelaburan sebanyak **RM17.5 juta** adalah **melebihi 20%** daripada Kumpulan Wang Anggota iaitu had pelaburan yang dibenarkan bagi koperasi berfungsi kredit. Baki had

pelaburan yang dibenarkan pada masa itu cuma berjumlah **RM12.4 juta sahaja;**

- ii. Tanah 4 lot tersebut berstatus 'Geran Pemilikan Tanah Anak Negeri' (*Native Titles*) yang jelas dinyatakan dalam *Sabah Land Ordinance 1930* (Sabah Cap. 64) yang melarang tanah berstatus *Native Titles* dimiliki oleh 'Bukan Anak Negeri' (*Non-native*);
- iii. Harta tak alih tersebut telah dicagarkan di Bank dan tidak mematuhi hak milik berdaftar yang sah dan bebas daripada bebanan (*free from encumbrances*). Masih mempunyai baki pinjaman berjuta ringgit hingga hari ini. Berdasarkan rekod di KOPEKS, sebahagian daripada pembayaran dibuat bertujuan untuk bayaran awal penyelesaian hutang dengan Bank, walaupun tanpa kelulusan Suruhanjaya.

Suruhanjaya telah mengeluarkan arahan pada 16 April 2019 supaya tidak membuat apa apa pembayaran kepada pemilik sebelum mendapat kelulusan Suruhanjaya, tetapi sejumlah RM6.4juta telah dibayar oleh KOPEKS. **Arahan Suruhanjaya tidak dipatuhi.** Akibatnya KOPEKS menghadapi masalah aliran tunai dan menyebabkan tertangguh bayaran balik yuran dan saham anggota yang telah bersara pada tahun 2017 hingga 2019 dan pembayaran hutang-hutang luar termasuk pemiutang bank KOPEKS.

Berikutan dengan itu, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Sabah (SKM Sabah) menerima banyak aduan dan mendesak SKM Sabah untuk mengambil tindakan sewajarnya. Begitu juga pihak Bank juga seringkali menghubungi SKM Sabah memaklumkan kelewatan KOPEKS membayar balik pinjaman Bank.

Keputusan Suruhanjaya tidak meluluskan pelaburan tersebut berdasarkan undang undang koperasi demi menjaga kebajikan anggota dan koperasi dan ianya merupakan tindakan yang tepat kerana sekiranya pelaburan

diluluskan dan pembayaran diteruskan akan menjejaskan lagi kedudukan kewangan KOPEKS.

Pentadbir menegaskan tidak akan terlibat dalam perbincangan selanjutnya dengan pihak *vendor* bagi tujuan ke arah membayar baki wang yang dituntut berikutan pihak *vendor* telah membatalkan perjanjian jual beli seperti yang disiarkan dalam akhbar Daily Express.

Walau bagaimanapun Pentadbir sedang berusaha untuk mencari kaedah terbaik bagi meminimakan kerugian KOPEKS termasuklah membuat tuntutan melalui proses undang undang dan seterusnya mempertanggungjawabkan kepada mereka yang berkenaan di atas kerugian KOPEKS.

USAHA MENAMBAH BAIK PENGURUSAN KOPEKS

Buat masa ini Pentadbir menumpuhkan perhatian untuk menambahbaik pengurusan KOPEKS. Fokus utama adalah mengembalikan wang yuran dan saham anggota yang telah bersara serta melunaskan hutang hutang luar/Bank dan memantapkan kedudukan kewangan KOPEKS. Disamping itu, berusaha meningkatkan keyakinan anggota kepada koperasi ini.

Tindakan yang telah diambil oleh Pentadbir adalah seperti berikut:-

1. Semasa Pentadbir mengambil alih pengurusan KOPEKS terdapat tunggakan 974 akaun berjumlah **RM7.22 juta** ke atas yuran dan saham anggota yang telah bersara dari tahun 2017 hingga 2019. Sehingga 15 Disember 2020:
 - a) Sejumlah **RM5.62 juta daripada** 756 akaun telah selesai dikembalikan dan dibayar sepenuhnya.
 - b) Manakala sejumlah **RM1.60 juta** daripada 218 akaun anggota yang berkenaan sedang dihubungi untuk pengembalian syer dan yuran; dan

- c) Bayaran balik keseluruhan yuran dan saham anggota adalah **RM8.64 juta daripada** 967 akaun iaitu termasuk **RM1.51 juta** daripada 211 akaun anggota yang membuat rayuan pengembalian syer dan yuran disepanjang tahun 2020.

Pentadbir menegaskan bahawa KOPEKS kini berkemampuan untuk mengembalikan yuran dan saham anggota yang layak pada bila bila masa sahaja.

2. Hasil pengawalan kos dengan berbelanja secara berhemah oleh Pentadbir dan pihak Pengurusan telah mengurangkan perbelanjaan sebanyak 52.8% iaitu dari **RM10.13 juta** tahun 2019 kepada **RM5.35 juta** setakat November 2020 melalui strategy *cost reduction and rightsizing organization*.
3. Pengurangan perbelanjaan tersebut menghasilkan keuntungan sebanyak **RM2.55 juta** setakat November 2020 iaitu merupakan keuntungan yang terbesar sejak tahun 2015. Dijangka keuntungan akan meningkat dimasa-masa akan datang.
4. Pentadbir KOPEKS berjaya membayar sepenuhnya tunggakan baki pinjaman Bank berjumlah **RM766,000** dan membayar dividen atas saham dan yuran anggota bagi akaun 2018 sebanyak **RM683,639** bagi tahun 2020.
5. Baki pinjaman luar/bank juga dapat dikurangkan sejumlah **RM8,711,640** iaitu daripada **RM66,139,204** pada 30 November 2019 kepada **RM57,427,564** pada 30 November 2020.
6. Pentadbir juga sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah pembiayaan tidak membayar (*Non Performing Loan (NPL)*) yang berpunca dari anggota berhenti kerja atau bersara awal, pinjaman yang diberi tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan,

pinjaman yang diberikan kepada peminjam yang melebihi had potongan 60%, memberi pinjaman yang tidak ada kemudahan potongan ANGKASA dan membenarkan anggota mencagarkan geran tanah dan kad kereta untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan dimana hampir semuanya tidak membayar balik pinjaman.

7. Tindakan mengutip semula tunggakan pembiayaan yang telah diambil setakat ini adalah:
 - i. Mengeluarkan *Notice Of Demand* (NOD) - 525 akaun berjumlah RM16,173,746;
 - ii. Mengiklan senarai peminjam - 122 akaun berjumlah RM5,206,118;
 - iii. Tindakan pembicaraan di mahkamah - 18 akaun berjumlah RM172,889;
 - iv. Menfailkan tindakan Mahkamah - 10 akaun berjumlah RM1,596,503;
 - v. Tindakan ke atas Penjamin - 30 akaun berjumlah RM1,438,306;
 - vi. Kontra dengan yuran Peminjam/Penjamin - 116 akaun berjumlah RM107,533;
 - vii. Mengambil tindakan Insolvensi - 16 akaun berjumlah RM1,380,004;
 - viii. Kutipan melalui agensi pengutip hutang - 590 akaun berjumlah RM18,634,036;
 - ix. Tindakan mendaftar di CTOS - 48 akaun berjumlah RM1,979,784 dan
 - x. *caveat and auction* semua Geran tanah yang dicagarkan.

8. Walau bagaimanapun dalam tempoh pengawasan Pentadbir pinjaman tidak berbayar adalah kosong (0). Setakat November 2020 sejumlah **RM5,479,750** pembiayaan dikeluarkan kepada 265 anggota dan kutipan balik bayaran pembiayaan **100%** tercapai. Kelulusan pembiayaan berdasarkan sepenuhnya kepada aturan-aturan yang ditetapkan.

Pada masa ini Perniagaan KOPEKS berjalan seperti biasa, keanggotaan terbuka kepada kakitangan Kerajaan Negeri dan Persekutuan dengan bayaran yuran RM55.00 dan saham minimum RM200.00. Pakej khas pembiayaan pada kadar 3.99% bagi pinjaman mudah sehingga RM30,000. KOPEKS kini mempunyai dana yang mencukupi untuk memberi kemudahan pembiayaan kepada anggota anggota yang layak.

Diharapkan dengan pencerahan ini para anggota memahami keadaan KOPEKS yang sebenarnya. Pentadbir sedang berusaha sedaya upaya untuk menambah baik pengurusan dan halatuju KOPEKS. Sehubungan itu, sokongan anggota ke atas usaha Pentadbir amatlah diharapkan dan dihargai demi kebaikan anggota semua dan bagi mengekalkan kelangsungan kewujudan KOPEKS.

KASTIAN BIN HAJI DULA

PENTADBIR

KOPERASI PEKERJA-PEKERJA KERAJAAN SABAH BERHAD (KOPEKS)